

A. Pilih dan taip kata ganti nama diri yang betul.

1. Muzaffar dan Ranjit berkawan baik. _____ (Dia , Mereka) pergi ke sekolah dengan menunggang basikal.
2. Semasa membuat kerja, _____ (kami , kita) mestilah tolong-menolong.
3. Encik Basir pegawai bank. _____ (Beliau , Saya) sentiasa berpakaian kemas.
4. "Mengapakah _____ (kalian , kamu) tidak hadir semalam?" tanya Cikgu Siti kepada Fauzi.
5. Abang demam panas. _____ (Dia , Beliau) tidak hadir ke sekolah pada hari ini.
6. " _____ (Beta , Saya) mahu derma ini diberikan kepada orang ramai dengan segera, "titah Sultan Johor kepada Menteri Besar.

B) Isi tempat kosong dengan **kata ganti nama diri** yang sesuai.

saya	beta	kamu	dia	tuanku
kita	baginda	awak	mereka	patik

1. "_____ berasa sungguh gembira pada hari ini," titah Sultan Bolkiah.
2. "_____ tidak dapat datang kerana demam," kata Jarjit.
3. "_____ hendaklah sama-sama menjaga kebersihan kelas ini," kata Ismail kepada kawan-kawannya.
4. _____ ialah sultan yang disanjung oleh rakyat jelata.
5. _____ tinggal di mana?
6. "_____ mesti siapkan latihan yang saya berikan," pesan Cikgu Betty kepada murid-muridnya.
7. Rumah _____ roboh dipukul rebut kencang yang melanda Kampong Tunggai.
8. "Ampun _____," sembah bendahara ketika menghadap sultan.
9. "Tuanku hendak berjumpa dengan _____?" tanya Hang Jebat kepada sultan.
10. Hazlin sangat cerdas. _____ selalu mendapat tempat pertama dalam peperiksaan akhir tahun.